

Pelajar UMS Raymond wakil negara ke WAC

UB 24.9.2015 A14

KOTA KINABALU: Unviersiti Malaysia Sabah (UMS) mengembangkan lagi kewibawaannya

dalam sukan apabila salah seorang pelajarinya Raymond Wong Chung Phin terpilih mewakili

negara ke Kejohanan Gusti Lengan Dunia (WAC) Ke-37 2015.

Raymond terpilih selepas

muncul juara kategori junior 21 tahun ke bawah 65kg pada pertandingan dan juga sesi pemilihan skuad gusti lengan Malaysia di Putrajaya awal bulan lalu.

Raymond yang berasal dari Penampang juga akan mengambil bahagian dalam acara sama pada WAC nanti di mana Malaysia akan menjadi tuan rumah.

Beliau adalah pelajar tahun dua Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan.

WAC Ke-37 itu dijadualkan berlangsung di Berjaya Times Square Kuala Lumpur pada 26 September hingga 4 Oktober dan dijangka disertai hampir 2,000 atlet gusti lengan dari lebih 30 negara.

Ia adalah kejohanan tahunan di mana edisi ke-36 tahun lalu berlangsung di Vilnius Lithuania.

Kenyataan akhbar yang dikeluarkan Pusat Sukan UMS kelmarin memberitahu bahawa pemilihan Raymond mewakili

negara itu mendapat pengiktirafan UMS dengan memberikannya sokongan dan insentif kewangan.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah semasa memberikan insentif kewangan berkenaan baru-baru ini turut memberikan kata-kata semangat kepada Raymond agar mencuba yang terbaik untuk mengharumkan nama negara dan UMS pada kejohanan itu.

Beliau berkata, kejayaan mendapat tempat dalam skuad negara ke kejohanan dunia adalah pencapaian yang sudah membanggakan UMS dan beliau berharap ia akan menyemarakkan lagi semangat Raymond untuk terus memajukan diri dalam sukan.

Turut bersama pada majlis penyerahan insentif berkenaan adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS Prof Madya Dr Ismail Ali.



NAIB Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah (tengah) menyampaikan insentif kepada Raymond yang terpilih mewakili negara ke Kejohanan Gusti Lengan Dunia (WAC) Ke-37 2015.